



**PERMOHONAN GERAN
LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI**
Bahagian Jaringan Masyarakat

**GARIS PANDUAN
2023**

BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (BJIM)
Aras Bawah, Bangunan Canselori II
11800 USM, Pulau Pinang

Tel : 604 653 6593/6422 Faks : 604 653 6406 Web : www.usm.my/icn/

ISI KANDUNGAN
GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN
LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A PERMOHONAN	3
BAHAGIAN B PENILAIAN	9
BAHAGIAN C PEMANTAUAN	9
BAHAGIAN D PENGKLASIFIKASIAN PROJEK LIBATSAMA KOMUNITI	10
MAKLUMAT PERHUBUNGAN	12

BAHAGIAN A – PERMOHONAN

1. LATAR BELAKANG

Usaha memperkasakan kewibawaan Universiti Awam (UA) negara sebenarnya sangat mencabar, apatah lagi dalam dunia global pada hari ini yang serba kompleks. Pelbagai inisiatif dan usaha dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memastikan matlamat sasaran berjalan seiring dengan permintaan sekali gus meninggikan taraf universiti sebagai gedung ilmu yang mampu memberi sumbangan kepada kemajuan sosioekonomi negara dan pembangunan modal insan. Antara yang diperkasakan ialah usaha penyelidikan yang telah dilakukan di Universiti dengan tujuan perkongsian ilmu ke satu sasaran yang lebih khusus untuk memberi manfaat kepada pembangunan Negara.

Libatsama universiti memainkan peranan yang signifikan sebagai pemangkin pembangunan komuniti tempatan dan seterusnya merealisasikan agenda pembangunan lestari. Selain itu, libatsama universiti dengan komuniti setempat berupaya untuk merangsang peningkatan minat, komitmen dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, mengukuhkan peranan dan sumbangan universiti secara langsung untuk manfaat komuniti setempat serta memperkasakan jaringan hubungan dan komunikasi pelbagai hala. Hasrat ini selaras dengan lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk mentransformasikan komuniti ke arah pembangunan yang mampan dan lestari berasaskan penerapan sumber institusi untuk menangani dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat melalui kerjasama dengan komuniti. Libatsama universiti komuniti haruslah memberikan fokus terhadap menghasilkan 'outcome' berimpak tinggi yang akhirnya memberikan manfaat kepada 'quadruple helix' iaitu kerajaan, akademia, industri dan masyarakat.

Pada peringkat USM, tumpuan diberikan bagi memperkayakan kualiti modal insan di universiti, industri dan komuniti melalui aktiviti libatsama universiti yang merangkumi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan khidmat masyarakat. Libatsama universiti juga membolehkan kepentingan ilmu yang telah dijana dapat dikongsi bersama dengan komuniti bagi memperkukuhkan ilmu dan kualiti hidup masyarakat awam dengan mengoptimasikan hasil Penyelidikan dihasilkan di universiti melalui perkongsian idea, pengetahuan, mekanisme dan teknik/kaedah baru yang dihasilkan universiti demi memperkasakan komuniti sekaligus menangani secara efektif masalah yang dihadapi oleh komuniti.

2. PENDAHULUAN

Pelaksanaan projek libatsama universiti-komuniti merupakan aktiviti utama Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) yang bertujuan mendidik dan membantu komuniti ke arah pembangunan yang lestari dan mampan. Usaha ini adalah sejajar dengan peranan Universiti pada abad ke-21 di mana universiti bersama-sama dengan pemegang taruh mengembeling usaha serta inisiatif dalam aspek perkongsian dan pemindahan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran bagi memenuhi keperluan dan kehendak komuniti. Dalam hal ini, warga kampus digalakkan melaksanakan projek libatsama universiti-komuniti berdasarkan empat (4) elemen "*Strategic Priority*" projek libatsama universiti-komuniti seperti berikut:

(1) Inovasi Sosial

Menggalakkan inovasi sosial daripada pihak komuniti dan kepakaran daripada akademik USM seterusnya daripada pelajar ke dalam masyarakat.

(2) Keplbagaian Disiplin (*Multidisciplinary*)

Gabungan dan penglibatan institusi dengan pelbagai disiplin ilmu dan/atau bidang pengkhususan untuk memenuhi keperluan dan pencapaian program/projek Libatsama Universiti Komuniti

(3) Kelestarian/ Kemampanan

Menyediakan infrastruktur asas serta latihan modal insan dalam pelbagai bidang dan berupaya melakukan proses penambahbaikan secara berterusan.

(4) Keusahawanan (Jika berkaitan)

Meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan sasaran yang meliputi pelaksanaan program pengukuhan keupayaan melalui latihan kemahiran yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta.

3. JENIS GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

Pelaksanaan projek libatsama universiti komuniti kepada kumpulan sasaran mestilah berdasarkan pendekatan "*purpose driven*" iaitu sebarang penyelesaian yang dicadangkan perlulah berdasarkan kepada keperluan-keperluan komuniti yang terbabit. geran yang ditawarkan ialah **Geran Libatsama Universiti-Komuniti dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10,000.00 bagi tempoh 12 bulan.**

4. SKOP TUMPUAN & OBJEKTIF PROJEK LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

Pembiayaan geran libatsama universiti-komuniti meliputi skop tumpuan yang telah dikenal pasti selari dengan agenda universiti dan menyokong aspirasi negara seperti berikut:

(1) Ekonomi

Menggunakan sumber sedia ada secara optimum bagi manfaat jangka panjang.

(2) Persekitaran

Mengekalkan kadar hasil penggunaan sumber yang boleh diperbaharui, mengawal pencemaran, dan kekurangan sumber yang tidak boleh diperbaharui.

(3) Pendidikan

Melibatkan semua orang dalam masyarakat untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang diperlukan untuk membentuk masa depan yang mampan.

(4) Kesihatan

Menggerakkan usaha komuniti sedia ada dan pihak berkepakaran untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

(5) Kesenian & Warisan

Menggerakkan pemegang taruh dan komuniti untuk memelihara warisan budaya, menghargai masa lalu dan merencanakan masa depan.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

(1) Geran Libatsama Universiti-Komuniti

Permohonan geran ini **terbuka kepada semua akademia** dengan syarat-syarat berikut:

- i. Kesemua ahli merupakan warganegara Malaysia; atau
- ii. Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia; dan
- iii. Telah berdaftar dan diperakukan daripada pihak universiti; dan
- iv. Kesemua ahli merupakan warga USM; dan
- v. **Ketua Projek merupakan akademia (pensyarah) bertaraf tetap**; dan
- vi. Tempoh **pelaksanaan projek mestilah tidak melebihi 12 bulan**. Tempoh minimum ialah 6 bulan; serta
- vii. **Projek berbentuk “one off” tidak akan dipertimbangkan**; dan
- viii. Setiap projek yang dilaksanakan mestilah mempunyai **unsur jaringan/kolaborasi** dengan pihak lain dalam bentuk perkongsian sumber, perkongsian dana, dan pembangunan/ kepakaran/ pengalaman bersama pemegang taruh atau pihak komuniti; dan
- ix. Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi **siling yang telah ditetapkan iaitu RM 10,000.00**; dan
- x. Kos projek akan dibiayai menggunakan peruntukan BJIM dan **pemegang taruh atau komuniti wajib menyatakan komitmen (kewangan atau bukan kewangan) dalam projek**. Cadangan nisbah 70% (peruntukan): 30% (penaja/kerjasama lain)
- xi. **Perlu menghasilkan penerbitan** dalam bentuk jurnal/monograf/modul projek (*copyright*).
- xii. Perlu melibatkan **mahasiswa USM dan staf bukan akademik** di dalam pelaksanaan projek komuniti.

6. PERATURAN PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

- (1) Permohonan untuk Geran Libatsama Universiti-Komuniti perlu menggunakan borang yang terkini dari Bahagian Jaringan Masyarakat – BJIM

- (2) Permohonan untuk Geran Libatsama Universiti-Komuniti dibuka kepada projek libatsama komuniti yang **menepati skop tumpuan** (Perkara 4) dan **syarat permohonan** (Perkara 5)
- (3) Tarikh penting **hebahan pembukaan geran dan hantar permohonan** Geran Libatsama Universiti-Komuniti akan dibuat oleh pihak BJIM melalui **pentadbir emel USM**.
- (4) Semua permohonan hendaklah **dinilai dan disokong oleh Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan** yang bertanggungjawab dan hanya **permohonan yang disokong** sahaja akan diterima untuk penilaian dan kelulusan.
- (5) Semua projek hendaklah dibiayai oleh geran Geran Libatsama Universiti-Komuniti dan Ketua Projek mestilah **mengisytiharkan semua pembiayaan** yang diperolehi bagi projek tersebut.

7. KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

- (1) Mempunyai elemen "*Strategic Priority*" pelaksanaan projek libatsama universiti-komuniti (Perkara 2); dan
- (2) Mempunyai ilmu hasil penyelidikan yang telah dijana/dihasilkan oleh akademia dan sedia untuk dipindahkan serta berupaya menghasilkan output dan "outcome" berimpak kepada "*quadruple helix*" iaitu kerajaan, komuniti, industri dan akademia.
- (3) Melaksanakan projek-projek dengan komuniti secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur, dan
- (4) Peningkatan kualiti hidup komuniti penerima atau kumpulan sasaran,
- (5) Kerjasama strategik melalui komitmen rakan kerjasama,
- (6) Daya maju pelaksanaan projek realistik dan berupaya dilaksanakan; dan
- (7) Merupakan projek yang saling bermanfaat kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dan komuniti serta mempunyai hasil dan impak kepada kumpulan sasaran,
- (8) Keutamaan akan diberikan kepada projek yang mempunyai potensi untuk berjaya dengan komitmen daripada komuniti, ahli akademik dan rakan kerjasama.

8. PROSES-PROSES KEWANGAN PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

- (1) Segala perbelanjaan haruslah mematuhi tatacara kewangan universiti dan garis panduan yang telah ditetapkan; dan
- (2) Pembukaan akaun projek akan dibuat kepada projek yang berjaya dan pentadbiran kewangan akan diserahkan kepada Pusat Pengajian/PTJ Ketua Projek.

- (3) Segala tuntutan perbelanjaan projek perlu dikemukakan kepada Pusat Pengajian/PTJ Ketua Projek dalam tempoh pelaksanaan projek iaitu sebelum tarikh projek tamat. Sebarang tuntutan selepas tempoh tamat projek tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran; dan
- (4) Baki peruntukan projek yang tidak berjaya dihabiskan perlu disalurkan kembali kepada Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) bagi kegunaan pembiayaan geran baharu; dan
- (5) Pecahan Perbelanjaan Mengikut Vot;
- i. **Vot 21000 – Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup**
Tuntutan staf yang dibuat dalam menjalankan tugas rasmi dan kursus di dalam dan di luar negeri. Tuntutan ini meliputi bayaran bagi pengangkutan, elaun sara hidup, bayaran hotel dan penginapan, tip, tol, bayaran lapangan terbang, bayaran meletak kereta, dan perbelanjaan sampingan yang dibuat ketika perjalanan. **Siling perbelanjaan 10% dari keseluruhan geran.**
 - ii. **Vot 22000 – Pengangkutan Barang**
Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. **Siling perbelanjaan 20% dari keseluruhan geran.**
 - iii. **Vot 23000 – Komunikasi & Utiliti (Telefon, Fask, Pos, dll)**
Perbelanjaan untuk semua jenis perkhidmatan perhubungan serta bayaran bagi elektrik, air, gas, perkhidmatan utiliti dan perhubungan yang lain.
 - iv. **Vot 24000 – Sewaan**
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain (sekiranya berkenaan) yang terlibat secara langsung dengan program sahaja. Sewaan pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat berlesen/berdaftar sahaja dan keutamaan untuk menggunakan kenderaan universiti.
 - v. **Vot 25000 – Bahan Makanan & Minuman**
Perbelanjaan bagi semua pembelian bekalan bahan-bahan makanan dan minuman. Harga belian adalah termasuk kos pengangkutan. **Siling perbelanjaan 10% dari keseluruhan geran.**
 - vi. **Vot 26000 - Bekalan Bahan Mentah & bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan.**
Perbelanjaan bagi semua pembelian bagi bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan aset. Harga belian ini adalah termasuk kos pengangkutan dan hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.
 - vii. **Vot 27000 - Bekalan Bahan & Bahan-bahan lain.**
Perbelanjaan bagi pembelian semua bekalan dan bahan-bahan termasuk pembelian barang tak luak yang kurang daripada RM1,000.00 setiap satu atau

tidak dijeniskan sebagai harta modal di bawah Kod 34000 dan kod 35000. Harga belian adalah termasuk pengangkutan. (Tidak termasuk bekalan dan bahan-bahan dibawah Kod 25000 dan kod 26000 yang mana nilai pembelian setiap butiran tidak dihadkan)

viii. Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang dibeli & Hospitaliti.

Merujuk kepada perbelanjaan semua perkhidmatan yang dibeli dan hospitaliti seperti perkhidmatan-perkhidmatan hospitaliti, fotokopi, percetakan, insurans atau lain-lain bayaran. Pemberian honorarium kepada akademia projek tidak dibenarkan dan tidak akan diluluskan.

ix. Vot 42000 – Pemberian dalam Negeri

Pemberian, caruman dan subsidi yang dibayar seseorang yang tidak bermotifkan keuntungan. Sebagai contoh, projek yang dilaksanakan memerlukan peralatan/mesin/bahan program (RM1000 ke atas/unit) yang bersifat kekal dan akan ditempatkan di lokasi pelaksanaan projek.

9. HASIL PROJEK GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

Setiap projek perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan projek Libatsama Universiti Komuniti untuk pengukuran keberhasilan projek seperti berikut:

(1) Hasil program/projek Libatsama Universiti-Komuniti ini perlulah menyenaraikan hasil kepada perkara-perkara berikut berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- i. Mempunyai pengukuran *Key Performance Indicator* (KPI) yang hendak dicapai.
- ii. Hasil kepada masyarakat atau komuniti (contoh : peningkatan kualiti hidup sasaran komuniti)
- iii. Pulangan kepada USM (Pengiktirafan kepada ahli akademik)
- iv. Pembangunan Modal Insan kepada komuniti/kumpulan sasaran/pelajar
- v. Jenis ilmu yang telah dipindahkan dan penambahbaikan atau ilmu yang diterima.
- vi. Hasil "*Intangible*"

(2) Penerbitan

Setiap projek yang diluluskan perlu menghasilkan penerbitan berimpak pada kadar minimum iaitu penerbitan jurnal/monograf/modul projek (*copyright*). Penghargaan kepada BJIM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan yang diterbitkan.

BAHAGIAN B – PENILAIAN

1. PENILAIAN PERMOHONAN GERAN LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI

(1) Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut tema projek yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam libatsama komuniti.

- (2) Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta menggunakan borang penilaian projek.
- (3) Penilaian adalah secara saringan awal dan bagi permohonan yang terpilih bergantung kepada keperluan semasa BJIM.
- (4) Makluman keputusan penilaian akan dibuat kepada pemohon dan sebarang keputusan adalah muktamad.

BAHAGIAN C – PEMANTAUAN: PENGAWALAN & PELAPORAN

1. Semua projek yang diluluskan di bawah Geran Libatsama Universiti-Komuniti akan dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan seperti berikut:
 - (1) Laporan Kemajuan Berkala (LKB) setiap 3 bulan sekali; dan
 - (2) Laporan akhir hendaklah dikemukakan 1 bulan selepas tamat projek tamat.
2. Laporan hendaklah disediakan mengikut format yang telah ditetapkan oleh BJIM.
3. Setiap penerima geran perlu mengemukakan bukti pelaksanaan projek dalam bentuk gambar atau video berdefinisi tinggi (durasi 3 minit) kepada BJIM.

Catatan: BJIM berhak menarik balik geran sekiranya ketua projek gagal mengemukakan laporan dan tidak menepati keperluan pelaporan.

BAHAGIAN D – PENGKLASIFIKASIAN PROJEK LIBATSAMA KOMUNITI

BIL	JENIS GERAN	TENTANG GERAN	CONTOH PROJEK				
			TAJUK	TENTANG PROJEK	TEMA	'STRATEGIC PRIORITY'	Hasil/Faedah/Impak
1	Geran Libatsama Universiti-Komuniti - Jangka Pendek	<p>Projek khidmat komuniti kepada kumpulan sasaran berdasarkan pendekatan "<i>purpose driven</i>" iaitu sebarang penyelesaian yang dicadangkan perlulah berdasarkan kepada keperluan-keperluan komuniti yang terbabit – Projek – Bukan berbentuk "<i>one off</i>"</p> <p>Asas pelaksanaan projek berdasarkan ilmu hasil penyelidikan (akademia) yang sedia dipindahkan dan saling melibatkan <i>co-learn/ co-create</i> antara komuniti/ industri. Seterusnya ia mempunyai hasil/faedah/impak jangka panjang yang jelas.</p>	<p>Penapisan air kolam tadahan bukit untuk kegunaan penduduk kampung menggunakan penapis cucian balikan secara automatic berasaskan tenaga hijau.</p>	<p>Projek pemasangan dan memodifikasikan sistem penapisan air menggunakan penapis air cucian balikan automatik bagi menghasilkan air bersih menggunakan tenaga hijau iaitu konsep penjana Pelton.</p>	Sosial	Inovasi Sosial/ Kelestarian & Kemampanan	Membekalkan sumber air bersih kepada penduduk setempat dengan cara lebih ekonomi dan sistematik serta membangunkan pembangunan modal insan.
			<p>Kampung teknologi hijau – Transformasi sisa kepada tenaga boleh diperbaharui bagi kelangsungan komuniti</p>	<p>Transformasi sisa kepada sumber gas memasak melalui kaedah pencernaan <i>anaerobic</i> dan janaan elektrik melalui proses elektrolisis</p>	Persekitaran	Inovasi Sosial/ Kelestarian & Kemampanan	Penggunaan tenaga boleh diperbaharui oleh 500 penduduk kampung dan pengurangan sisa ke tapak pelupusan. Peserta mendapat latihan modal insan dan pengurangan kos gas memasak dan elektrik. Secara tidak langsung hasilkan baja kompos untuk tanaman.
2	Geran Libatsama Universiti-Komuniti - Jangka Panjang		<p>Memperkasakan komuniti dan mempraktikkan pertanian lestari dalam rawatan penagihan dadah.</p>	<p>Membantu merawat penagih dadah dan mencegah gejala penyalahgunaan dadah melalui program pertanian atau aktiviti dalam komuniti melalui pengawasan pakar.</p>	Ekonomi	Inovasi Sosial/ Keusahawanan / Kelestarian & Kemampanan	120 peserta menerima rawatan dan pulih serta mewujudkan pekerjaan untuk janaan pendapatan disamping membangunkan modal insan dalam kalangan penagih dadah. Kesenambungan projek melalui pemantauan pakar dan penglibatan agensi berkepentingan.

SEBARANG PERTANYAAN/MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:



Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Division of Industry & Community Network

Bahagian Jaringan Masyarakat – BAJIM

Pengarah - Bahagian Jaringan Masyarakat
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BAJIM)

atau

Penolong Pendaftar - Bahagian Jaringan Masyarakat atau Pembantu Tadbir (perkeranian/operasi)
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BAJIM)
Aras Bawah, Bangunan Canselori II
11800 USM, Pulau Pinang

Tel : 604 653 6593/6422 Faks : 604 653 6406 Web : www.usm.my/icn/